

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
02 OGOS 2018**

PERKARA : 4(B)(III)8

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BATU LANCANG
YB. ONG AH TEONG**

8. Apakah status pelaksanaan Pembangunan Semula Tanah Majlis di Jalan Perak?
- (a) Sila nyatakan Jadual Perancangan Pelaksanaan Projek berkenaan meliputi tarikh mula kerja hingga tarikh siap kerja.
 - (b) Adakah Kajian Sosial (SIA) dan Lalu Lintas (TIA) telah dijalankan bagi mengetahui kesan pembangunan tersebut di Jalan Perak?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

8. Pada ketika ini status Cadangan Pembangunan Semula Tanah Majlis di Jalan Perak adalah di peringkat proses pelantikan perunding dan penyediaan Terma Rujukan. Mesyuarat Lembaga Perolehan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang bermesyuarat pada 27 Jun 2018 telah meluluskan pelantikan perunding untuk melaksanakan khidmat profesional bagi bidang skop kerja menyediakan dokumen *Request for Proposal* (RFP). Penyediaan dokumen RFP ini merangkumi perkara-perkara berikut:
- (i) Menjalankan kajian tapak mengumpul data dan dapatan dari orang melalui gerak kerja penglibatan orang ramai dalam reka bentuk.
 - (ii) Mengeluarkan lukisan tambahan dan perincian selepas maklum balas orang ramai dan berdasarkan lukisan

survey tanah pembangunan; dan

- (iii) Memberi nasihat dalam menyediakan dokumen panggilan untuk cadangan RFP untuk ditender kepada mana-mana pemaju yang berminat untuk memajukan cadangan ini.

Cadangan pembangunan semula tanah majlis di Jalan Perak adalah dalam peringkat penyediaan dokumen RFP. Justeru, tarikh mula dan tarikh untuk menyiapkan projek ini masih belum dimuktamadkan. Jadual perancangan pelaksanaan projek adalah seperti di Lampiran A.

Kajian Impak Sosial atau *Social Impact Assessment* (SIA) dan Kajian Impak Trafik atau *Traffic Impact Assesment* (TIA) masih belum dijalankan. Walau bagaimanapun, kedua-dua kajian telah disyaratkan dalam Terma Rujukan atau *Term of Reference* (TOR) bagi pelantikan perunding.